

# Jabatan Penguatkuasaan DBKL laksana penambahbaikan

Kursus, kelas perundangan tingkat keyakinan penguat kuasa beri khidmat terbaik kepada warga kota

**Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid**

khairil.ashraf@bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk tindakan penguatkuasaan, antaranya mengadakan kelas perundangan selama 45 hari mulai tahun depan.

Langkah berkenaan bagi mengelakkan insiden kekecohan an-

tara penjaja belon dan penguat kuasa DBKL di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) di sini, pada Mac lalu berulang.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif, berkata antara cadangan penambahbaikan itu adalah dari segi kursus dan latihan diberikan kepada anggota penguat kuasa.

## Empat fasa kursus, latihan

Beliau berkata, kursus dan latihan ini menekankan empat fasa kepada pelatih dan penguat kuasa sedia ada, iaitu fasa pertama membabitkan latihan rejimental seperti kawad kaki, seni mempertahankan diri dan jasmani berlangsung selama sebulan.

Fasa kedua katanya, membabitkan latihan sambil bekerja di bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) berlangsung sebulan.

“Fasa ketiga, membabitkan kelas perundangan selama 45 hari

serta fasa keempat membabitkan latihan kawad kaki dan persiapan tamat latihan kursus tiga minggu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai Penguatkuasa DBKL Tahun 2025 bagi Skuad 28 membabitkan 39 pelatih baharu di Menara Penguatkuasa, di sini semalam.

Pada Mac lalu, media melaporkan keadaan di Jalan TAR kecoh susulan perselisihan antara seorang peniaga belon dan penguat kuasa DBKL. Berdasarkan dua rakaman video tular berdurasi lebih tiga minit di media sosial, berlaku aksi tolak menolak antara anggota penguat kuasa DBKL dan sekumpulan peniaga yang cuba mempertahankan barangan jualan mereka.



Maimunah Mohd Sharif

Mengulas lanjut, Maimunah berkata, Institut Tadbiran Awam Negara, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia juga diminta membantu DBKL memberikan kursus kepada mereka.

Dalam pada itu katanya, dengan melengkapi kursus asas ini, pelatih secara tidak langsung

akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan tahap keyakinan diri mereka bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga kota.

Beliau berkata, penampilan dan ketrampilan ditunjukkan pegawai dan anggota yang berpengetahuan serta berkeyakinan tinggi, sekali gus dapat memberikan tanggapan dan pandangan positif dalam kalangan warga kota bagi menaikkan imej DBKL.

“Tugas menguatkuasakan undang-undang adalah salah satu tunjang kepada fungsi dan tanggungjawab Jabatan Penguatkuasaan dalam memberikan nilai positif kepada warga kota, selain mendidik warga kota melalui tindakan penguatkuasaan,” katanya.

Katanya, Jabatan Penguatkuasaan DBKL adalah jabatan yang sentiasa dipandang dan dijadikan rujukan warga kota serta pihak berkuasa tempatan lain.

“Harapan saya supaya jabatan ini tetap meneruskan legasi serta imej baik yang akan dibina ini pada masa hadapan.

“Selain itu, saya amat berharap supaya Jabatan Penguatkuasaan dapat memperkukuh kerjasama strategik dengan semua agensi penguatkuasaan lain di Kuala Lumpur demi membentuk rangkaian komuniti kerja yang mantap, harmoni dan sentiasa bersedia untuk berganding bahu pada bila-bila masa,” katanya.